

# KULIAH DHUHA UNTUK MUSLIMAT ANJURAN MASJID PANGKALAN UDARA SUBANG BAGI TAHUN 2019

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5000-kuliah-dhuha-untuk-muslimat-anjuran-masjid-pangkalan-udara-subang-bagi-tahun-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5000-kuliah-dhuha-untuk-muslimat-anjuran-masjid-pangkalan-udara-subang-bagi-tahun-2019)



SUBANG, 18 Mei 19 - AJK Imarah Masjid PU Subang dan AJK Agama BAKAT PU Subang telah menganjurkan Kuliah Dhuha untuk Muslimat bagi tahun 2019 sempena Ihya' Ramadhan yang bertajuk Ramadhan Muhasabah Tarbiyyah Keluarga bertempat di ruang solat utama Masjid PU Subang.

Kuliah tersebut telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Al-Fadhilah Ustazah Asmak bt Husin. Antara aktiviti yang turut dilaksanakan ialah Solat Sunat Tahiyatul Masjid, Solat Sunat Dhuha, Solat Sunat Tasbih, Kuliah Dhuha dan agihan bubur lambuk kepada peserta yang hadir.

Kuliah berakhir dengan sesi pemberian cenderahati kepada penceramah jemputan yang telah disempurnakan oleh Datin Hjh Siti Norlela bt Alwi selaku Pengerusi BAKAT PU Subang dan juga sesi bergambar. Turut hadir dalam kuliah ini adalah AJK dan ahli BAKAT Subang serta ahli BAKAT daripada MTU dan MPOU.